

Pemalsuan jadi punca krisis Datuk Kelana

12. 6. 87

SEREMBAN, Khamis — Krisis pemilihan Datuk Kelana (Undang Luak Sungai Ujong) ke-10 berpunca daripada apa yang didakwa sebagai pemalsuan Terombo Asal Luak itu.

Ini dikatakan dilakukan oleh sekumpulan Anak Waris 'yang berhasrat untuk menguasai pesaka berkenaan'.

Anak-Anak Waris Perut Ulu daripada Rumpun Tlinggang berpendapat krisis itu hanya dapat diselesaikan menerusi langkah mengumumkan Terombo Asal Luak berkenaan, yang didakwa berada di dalam simpanan tua Lembaga Tiang Balai, Datuk Andika Mendelika Fadzil Nordin.

"Kami yakin krisis perlantikan Datuk Kelana ke-10 dapat diselesaikan dalam masa lima

hingga 10 minit sahaja jika isi kandungan Terombo Asal Luak Sungai Ujong diumumkan kepada semua anak Waris yang berhak.

"Melalui langkah ini, pihak berkuasa khususnya Dewan Keadilan dan Undang Negeri Sembilan serta Kerajaan Negeri Sembilan dapat menentukan Rumpun yang benar-benar layak menyandang pesaka itu," kata jurucakap mereka hari ini.

Kepentingan

Beliau mendakwa sekumpulan Anak-Anak Waris daripada Perut Ulu memalsukan Terombo Asal Luak Sungai Ujong dengan melakukan beberapa 'pindaan dan pengubahsuaian bagi menjaga kepentingan sendiri'.

Menurutnya, nama 'Mohd Tambu' dipadankan dengan nama 'Datuk Jebat' bagi memberikan gambaran bahawa kedua-duanya adalah orang yang sama, se-

dangkan mereka adalah dua lelaki yang hidup dalam zaman yang berlainan mengikut Terombo Asal Luak itu.

Beliau berkata mengikut Terombo Asal Luak Sungai Ujong, Mohd Tambu adalah daripada keturunan Bendahara Melaka manakala Datuk Jebat berketurunan Bendahara Skudal.

"Selain itu, Terombo Asal Luak Sungai Ujong adalah 'Berongga Tiga' yang menggariskan Rumpun Bayu, Tlinggang dan Dusun sebagai Rumpun yang layak menyandang pesaka Datuk Kelana tetapi ini diubahsuaian menjadi Jural Telaga Undang 'Berongga Tiga' yang menggariskan nama Telaga Undang, Kampung Gadang dan Kampung Manggis.

"Ini bertujuan mengepikan hak Anak-Anak Waris daripada Rumpun Tlinggang dan Dusun sehingga menimbulkan anggapan bahawa Anak-Anak Waris daripada kedua-dua Rumpun berkenaan adalah Waris Lingkungan dan tidak layak menyandang pesaka Datuk Kelana," katanya.